

**TPM bidas pembangkang
Utusan Online
13 April, 2012
Oleh HELMI MOHD. FOAD**

SHAH ALAM 12 April - Tan Sri Muhyiddin Yassin membidas pembangkang yang mendakwa kerajaan zalim dan tidak membela rakyat sedangkan pelbagai bentuk bantuan dan subsidi berbilion-bilion ringgit setahun disalurkan kepada rakyat.

Timbalan Perdana Menteri turut mengambil contoh peruntukan sebanyak RM43 bilion yang disalurkan kepada Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) bagi membantu rakyat melanjutkan pelajaran.

"Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim berjanji kalau menang pilihan raya umum nanti beliau hendak hapuskan PTPTN. Kalau saya dapat pinjaman dan tidak payah bayar saya pun seronok tetapi ini bermakna terhentilah tabung itu.

"Apa cerita anak kita sekarang, kalau tidak dapat biasiswa? Ibu bapa perlu mendapatkan pinjaman bank. Bank mana yang hendak beri kalau tidak kerajaan keluarkan peruntukan?," katanya ketika berucap pada majlis bertemu kumpulan strategik persatuan penaja Selangor di Kompleks Belia dan Kebudayaan di Seksyen 7, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas janji pembangkang untuk menghapuskan PTPTN sekiranya berjaya memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13.

Menurut Muhyiddin, beliau turut menyedari pembangkang memberikan alasan kerajaan boleh menggunakan wang Petronas bagi membiayai perbelanjaan pembangunan negara.

Namun ujarnya, kerajaan tidak boleh memerah habis-habisan hasil keuntungan Petronas kerana ia akhirnya akan merugikan negara.

"Jangan kita bunuh angsa emas kerana hendakkan telur emas. Itu cara pembangkang, orang yang tidak pandai kira. Boleh hancur negara," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0413&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm